

**PENGAJARAN SARANA KOHESI DALAM PROSES PENULISAN
KARANGAN: ANALISIS TEMATIK AMALAN PEDAGOGI GURU
CEMERLANG**

(Teaching the Cohesive Ties in The Process of Writing the Essay: Thematic Analysis of the Pedagogical Practice of Excellent Teachers)

ROZITA MOHAMAD YUNEH*, RAHIM AMAN & SHAHIDI A. HAMID

ABSTRAK

Guru merupakan pemboleh ubah penting dalam mencorakkan aktiviti pengajaran karangan. Kompetensi linguistik yang baik berkaitan kandungan ilmu penulisan, menguasai taksonomi pembinaan pertautan dan mengetahui amalan pedagogi berkesan dalam mengajarkan sarana kohesi akan dapat menyelesaikan masalah murid dalam mengarang. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka amalan pedagogi guru Bahasa Melayu terhadap pengajaran sarana kohesi dalam proses penulisan karangan. Kajian ini berbentuk kajian kes pelbagai kes-pelbagai tempat. Tiga orang guru cemerlang Bahasa Melayu terlibat sebagai peserta kajian yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan daripada tiga buah sekolah di negeri Pahang. Instrumen yang digunakan bagi mengumpul data melibatkan temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Temu bual dilakukan secara berulang kali bagi membolehkan data-data mencapai tahap ketepuan. Data yang diperolehi melalui proses triangulasi ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik bagi pembinaan tema untuk menjawab persoalan kajian berkaitan dengan aspek sarana kohesi dalam pengajaran karangan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat konstruk amalan pedagogi guru iaitu, elemen linguistik, teknik pembinaan kohesi, strategi pengajaran, dan penilaian karangan. Secara keseluruhannya, amalan pedagogi guru terhadap pengajaran sarana kohesi dalam proses penulisan karangan dalam kajian ini terbukti dapat mengupaya pembelajaran kemahiran menulis.

Kata kunci: Sarana kohesi; Pengajaran karangan; Amalan pedagogi; Analisis tematik; Kemahiran menulis.

ABSTRACT

Teachers are an important variable in shaping essay teaching activities. Good linguistic competency related to the content of writing knowledge, mastering the taxonomy of the construction of links, and knowing effective pedagogical practices in teaching the cohesive ties will be able to solve the problems of pupils in authoring. This study was conducted to explore the pedagogical practices of Malay language teachers towards teaching the cohesive ties in the essay writing process. This study is in the form of case studies of various cases-various places. Three excellent Malay language teachers were involved as participants in the study which was selected based on sampling from three schools in Pahang. The instruments used to collect data involve in-depth interviews, observations, and document analysis. Interviews are conducted repeatedly to

enable the data to reach solid levels. The data obtained through this triangulation process is analyzed using a thematic approach to the construction of themes to answer the study questions related to the practice of teaching the means of cohesion in writing. The findings showed that there are four constructs of the teacher's pedagogical practice, namely, the linguistic element, the cohesive technique, the teaching strategy, and the evaluation of the essay. Overall, the teacher's pedagogical practice of teaching the cohesive ties in the essay writing process in this study has proven to be able to enable the learning of writing skills.

Keywords: Cohesive ties; Teaching of essays; Case studies; Triangulation of data; Thematic approach.

PENGENALAN

Penambahbaikan kurikulum Bahasa Melayu dilaksanakan demi perubahan mendesak ke arah menyediakan sumber manusia. Walau bagaimanapun, masih terdapat kebimbangan apabila laporan analisis pencapaian Bahasa Melayu dalam fasa lima tahun terakhir pelaksanaan KBSM menunjukkan terdapat kumpulan murid yang belum menguasai mata pelajaran ini (Jadual 1). Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2020 mencatatkan murid yang mendapat kepujian ialah 46.5 peratus sahaja. Pencapaian ini masih jauh berbanding sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025, iaitu 90 peratus murid mendapat kepujian dalam kertas Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2025.

Jadual 1. Analisis mata pelajaran dan gred purata mata pelajaran (GPMP) Bahasa Melayu peringkat nasional.

Tahun	Peratusan Calon				Gagal G	Bil Duduki	GPMP
	Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus D,E	A+ → E			
2016	25.2	47.1	19.7	92.0	8.0	404, 477	4.57
2017	32.8	44.0	16.7	93.5	6.6	413, 985	4.11
2018	31.9	44.1	17.4	93.4	6.6	390, 708	4.19
2019	32.9	44.8	16.4	94.1	5.8	388, 532	4.07
2020	30.4	46.5	17.0	93.9	6.1	381, 129	4.20

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 8.0 % atau bersamaan 32,358 orang murid gagal menguasai Bahasa Melayu di peringkat SPM pada tahun 2016. Walaupun peratusan ini menurun kepada 6.6 % atau 27,323 orang calon pada tahun 2017, namun trend kegagalan ini masih lagi dalam lingkungan puluhan ribu orang murid. Tahun 2018 menyaksikan 6.6% atau 25,787 daripada keseluruhan calon yang mengambil peperiksaan tidak berupaya mendapat gred minimum untuk lulus Bahasa Melayu. Dua tahun terakhir sebelum pentaksiran SPM berformat KBSM dimansuhkan, memperlihatkan sebanyak 5.8% atau 22,535 orang calon tewas dalam pengujian ini. Tahun 2020 yang disifatkan paling mencabar berikutan wabak COVID_19 telah merekodkan sebanyak 6.1% atau 23,249 orang murid mendapat gred G. Sepanjang lima tahun terakhir pentaksiran Bahasa Melayu berformat KBSM merekodkan 131,252 orang calon yang tidak lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM (Jadual 2). Dapatan ini tidak menggambarkan kecekapan berbahasa yang tinggi. Fenomena ini merupakan satu kerugian kepada murid, ibu bapa dan sistem pendidikan secara global.

Jadual 2. Bilangan calon gagal Bahasa Melayu peringkat nasional

Tahun	Bil Duduki	% Gagal	Bil Gagal
2016	404, 477	8.0	32, 358
2017	413, 985	6.6	27, 328
2018	390, 708	6.6	25, 787
2019	388, 532	5.8	22, 535
2020	381, 129	6.1	23, 249
Jumlah			131, 252

Berhubung dengan pencapaian murid dalam pentaksiran di peringkat kebangsaan, terdapat laporan yang konsisten menunjukkan penulisan calon tidak berkualiti dengan struktur ayat yang tidak jelas dan mengemukakan idea yang tidak berkaitan (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2017). Penulisan calon menggambarkan aspek menghuraikan idea yang tidak dikuasai dan tiada kemahiran menjalin idea antara perenggan (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2019). Laporan tersebut boleh dikaitkan dengan aspek keutuhan karangan sebagai wacana lengkap masih menjadi cabaran utama menghalang calon menyampaikan idea penulisan. Murid didapati masih sukar dalam memilih dan menyusun gagasan fikiran secara logik dan sistematik. Perenggan yang ditulis tidak memperlihatkan jalinan bahasa yang kemas sehingga idea yang hendak disampaikan itu tidak mempamerkan turutan yang jelas atau idea berkenaan kelihatan melompat-lompat.

Sehubungan itu, terdapat pelbagai bentuk kajian mendalam hasil daripada keprihatinan terhadap masalah penulisan murid. Bagi Che Zanariah & Fadzilah (2011) kelemahan ini disebabkan murid belum mahir dalam membina ayat-ayat yang lengkap serta tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang sesuatu topik yang dibincangkan. Noradinah, Yusri, Suraya & Sri Kartika (2014) melihat kelemahan ini disebabkan murid tidak mampu menjana idea dan sebahagiannya mempunyai idea tetapi sangat lemah dalam mengembangkan idea. Zuraini, Fadzilah, Norazlina & Samsilah (2013) bimbang ketidakupayaan murid menulis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan berkesan akan mempengaruhi pencapaian dalam mata-mata pelajaran lain juga.

Sukmawan, Setyowati, & El-Sulukiyyah (2021) mengaitkan penulisan berkualiti dengan perenggan yang bermutu. Antara syarat perenggan yang bermutu ialah kohesi dan koheren. Kohesi merujuk kepada jalinan perkataan yang disusun mengikut struktur tertentu sehingga ayat-ayat dalam perenggan berfokus kepada idea yang hendak dibincangkan. Perenggan yang kohesi bukan setakat menjajarkan perkataan, sebaliknya gugusan perkataan itu dapat menyatakan apa-apa yang ingin disampaikan semudah yang boleh, tepat dan pemahaman pembaca dapat dijangkakan melalui idea yang mengalir. Koheren pula dapat disifatkan sebagai keutuhan idea yang didukung oleh gugusan peranti yang kohesif. Riska (2019) menjelaskan kekoherenan memerlukan peranti kohesi. Perenggan yang koheren diperlihatkan melalui hubungan antara perkataan dalam mengembangkan sesuatu idea dari segi bentuk dan struktur. Andi Tenri & Muhammad (2019) menyifatkan perenggan yang kurang berkualiti dicirikan dengan kurangnya koheren iaitu apabila tiadanya peranti eksplisit yang berfungsi sebagai sarana kohesi dalam perenggan. Perenggan yang tidak diolah dengan rapi dan tersusun akan menyukarkan aliran idea daripada penulis untuk sampai kepada pembaca. Marohaini & Zulkifli (1997) menyarankan keperluan terhadap isu dan masalah yang berkaitan dengan pembinaan pertautan ayat seharusnya diberi perhatian yang serius bagi menyelesaikan masalah murid dalam mengarang.

Sehubungan itu, guru sebagai angkubah utama dalam skema pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting untuk mencorakkan aktiviti pengajaran. Pakirathan & Kepol (2018)

mengaitkan kualiti guru dengan kualiti pengajaran. Magdelina & Zamri (2014) menghubungkan perkara ini dengan pengetahuan guru tentang isi kandungan mata pelajaran dan pengetahuan pedagogi iaitu pengetahuan guru mengenai strategi menyampaikan pengajaran. Menurut Rohaida & Zamri (2015) sebilangan guru memberi alasan bahawa mereka tidak diberikan pendedahan mengenai kaedah dan teknik yang sesuai untuk mengajar karangan dan pengetahuan linguistik yang rendah. Zamri & Abdul Sukor (2009) menggesa guru melengkapkan diri dengan pengetahuan berkaitan unsur tautan kerana penelitian mereka telah membuktikan unsur tautan yang dikuasai dengan baik dan kemudiannya diajar secara langsung akan meningkatkan jumlah penggunaannya dalam penulisan.

METODOLOGI

Kajian ini ingin meneroka aspek sarana kohesi dalam pengajaran guru yang dilihat daripada perspektif amalan pengajaran karangan tiga orang guru cemerlang. Kajian ini berbentuk kajian kes pelbagai kes-pelbagai tempat (*multicase-multiside studies*). Yin (2009) menjelaskan *multicase* ialah analisis yang melebihi daripada satu unit, manakala *multiside* pula merujuk kepada lebih daripada satu tempat kajian. Melalui reka bentuk ini, pengkaji dapat menyelami situasi sebenar bagi fenomena yang diteroka dalam persekitaran yang dikaji (Yin 2009). Penerokaan daripada tiga orang guru berpotensi memberikan gambaran yang mendalam, lebih besar, lebih kukuh dan boleh dipercayai berkaitan pengajaran sarana kohesi dalam proses penulisan. Pemilihan beberapa kategori sekolah juga memungkinkan laporan dapat ditulis secara terperinci, berkesan dan bermakna. Persamaan dan perbezaan yang dijana melalui penerokaan terhadap pelbagai kes-pelbagai tempat akan membolehkan pengkaji menganalisis dan membuat perbandingan serentak bagi tujuan pembinaan konstruk amalan pengajaran guru.

Peserta Kajian

Seramai tiga orang guru cemerlang terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan seorang guru cemerlang Gred DG54 dan dua orang guru cemerlang Gred DG52. Guru-guru ini mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun (Jadual 3) dan mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk membina perspektif yang pelbagai sebagai mana yang diperlukan oleh pengkaji. Pemilihan tiga orang guru cemerlang sebagai peserta kajian kualitatif tidak berasaskan kepada jumlah ataupun kuantiti sampel seperti dalam kajian kuantitatif. Perkara yang paling penting ialah subjek yang dipilih dapat memberikan maklumat secara maksimum dan peserta kajian tersebut memberikan maklumat yang hampir sama sehingga sampai pada peringkat ketepuan data (Merriam & Tisdell 2015).

Jadual 3. Demografi peserta kajian

Peserta Kajian	Gred	Umur	Jantina	Bangsa
GC BM1	54	59	Lelaki	Melayu
GC BM2	52	53	Perempuan	Cina
GC BM3	52	54	Perempuan	Melayu

Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji merangka beberapa strategi bagi aktiviti pengumpulan data. Antaranya adalah berhubung dengan pihak pentadbiran sekolah bagi mendapatkan profil sekolah kajian serta meninjau

permasalahan murid dalam menulis karangan di sekolah berkenaan. Selanjutnya, permohonan untuk menjalankan penyelidikan diajukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM melalui sistem eRAS 2.0. Permohonan juga dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang selain surat kebenaran bertulis dipohon daripada sekolah-sekolah yang terlibat. Aktiviti pengumpulan data dijalankan selama lapan bulan iaitu bermula pada bulan Jun 2021 sehingga bulan Februari 2022.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah yang digunakan bagi meneroka aspek sarana kohesi dalam pengajaran guru adalah temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah ini dapat menjelaskan kepakaran dan kewibawaan yang dimiliki oleh guru-guru dalam mengajarkan sarana kohesi penulisan. Namun, proses mendapatkan maklum balas daripada peserta kajian bukanlah merupakan satu tugas yang mudah. Para peserta kajian bersifat eksklusif dan kepercayaan perlu dibina agar data yang tulen dan hakiki dapat diperolehi. Oleh itu, masa yang agak lama diambil untuk membina hubungan dengan peserta kajian agar kedua-dua pihak berasa selesa antara satu sama lain.

Protokol temu bual semi struktur telah dibangunkan untuk meneroka maklumat daripada peserta kajian. Kaedah temu bual semi struktur adalah fleksibel untuk temu bual secara mendalam (Creswell & Poth 2018) bagi mengumpul data yang subjektif dalam kajian ini. Hal ini memudahkan pengkaji untuk menyusun aliran perbualan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian dari semasa ke semasa dan tidak terikat kepada urutan soalan yang telah dirancang. Perkara ini memberi nilai tambah kepada dapatan kajian kerana membolehkan pengkaji mengajukan soalan tambahan atau pertanyaan terus (probing) kepada peserta kajian, khususnya soalan yang tidak terdapat dalam protokol temu bual (Merriam & Tisdell 2015). Usaha untuk bertanya soalan tambahan kepada peserta kajian adalah bertujuan mencungkil lebih banyak maklumat tentang isu yang dikaji. Terdapat lapan pusingan temu bual bagi setiap peserta kajian iaitu sebelum pengajaran karangan dan selepas pengajaran dijalankan. Jadual 4 di bawah menunjukkan ringkasan tarikh temu bual yang dijalankan terhadap kesemua peserta kajian.

Jadual 4. Ringkasan Tarikh Temu Bual

Peserta Kajian	Bulan / Tarikh			
	Julai	Ogos	Sept	Okt
GC BM 1	8, 15	5, 12	2, 9, 16	7
GC BM 2		2,9,16, 23	6, 13	4. 11
GC BM 3		13, 20, 27	3, 10	8, 15, 22

Sebagai tambahan kepada temu bual, pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan data kerana Hammerley (1999) menyatakan bahawa dalam kajian kes, pemerhatian merupakan antara sumber utama data kajian. Namun demikian, dalam kajian ini pengkaji menggunakan temu bual sebagai data utama kerana pengkaji mahu menjadikan 'suara' peserta kajian dalam memerihalkan aspek sarana kohesi yang dikuasai dalam pengajaran. Selain itu, data daripada pemerhatian memberi peluang data asli daripada situasi sebenar Cohen (1968). Pemerhatian dalam kajian dibuat secara dalam talian memandangkan pengutipan data tidak boleh dilakukan secara bersemuka sebagai mana arahan yang dikeluarkan oleh pihak KPM. Sebanyak 12 kali pengajaran guru telah diperhatikan. Semasa pemerhatian dijalankan, pengkaji mencatat nota lapangan dan merakamkan pengajaran secara dalam talian sebagai bahan untuk dianalisis.

Pemerhatian ini penting sebagai pengesahan kepada isu yang dibincangkan dalam temu bual dan sangat berguna untuk triangulasi data kelak.

Jadual 5. Ringkasan Tarikh Pemerhatian

Peserta Kajian	Bulan / Tarikh			
	Julai	Ogos	Sept	Okt
GC BM 1	8, 15	5, 12, 19, 26	2, 9, 16, 22, 29	7
GC BM 2		2,9,16, 23, 30	6, 13, 20, 27	4. 11
GC BM 3		13, 20, 27	3, 10, 17, 24	1, 8, 15, 22, 29


Selain itu, analisis dokumen juga dijalankan dengan melibatkan penelitian terhadap penulisan karangan murid. Para peserta kajian bersetuju berkongsi skrip peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Hal ini demikian kerana peperiksaan merupakan satu bentuk penilaian yang benar-benar menguji kebolehan menulis dalam kalangan murid. Data penulisan karangan yang lebih bersifat semula jadi dapat digunakan oleh pengkaji dalam usaha untuk meneroka aspek sarana kohesi dalam pengajaran guru.

Pengurusan dan Penganalisan Data

Kesemua data yang dikumpul diurus dengan sistematik agar memberi makna kepada data yang diperoleh (Creswell & Poth 2018). Proses yang sistematik bermula dengan proses menguruskan data dan diikuti dengan proses menganalisis data melalui pembentukan tema bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji membahagikan proses ini kepada dua bahagian iaitu proses menganalisis dan membentuk tema daripada sumber data temu bual dan pemerhatian, dan proses menganalisis daripada sumber dokumen bertulis iaitu penulisan karangan murid. Data daripada rakaman audio temu bual dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi dan data nota lapangan daripada pemerhatian diimbas oleh pengkaji. Proses transkripsi data temu bual walaupun mengambil masa yang lama, namun sangat penting dan memudahkan pembinaan tema dalam langkah seterusnya (Goodson & Sikes 2001). Setiap data yang diperoleh ini dilabelkan secara sistematik oleh pengkaji iaitu transkrip temu bual dan nota lapangan bagi memudahkan capaian data berdasarkan tarikh, nama peserta terlibat dan bilangan data diperoleh. Data tersebut kemudiannya dimuat naik ke dalam perisian Nvivo untuk proses analisis yang seterusnya.

Sementara itu, bagi data daripada sumber penulisan karangan, pengkaji menukarkan penulisan murid ke dalam bentuk *Microsoft Word* dan disimpan dalam fail khas. Data ini seterusnya dianalisis oleh pengkaji untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan sarana kohesi dalam penulisan. Langkah-langkah yang dilakukan dalam penganalisan ini ialah pengesanan, pernyataan dan penerangan. Berdasarkan aturan ini, pengkaji mengenal pasti sarana kohesi yang digunakan dalam penulisan dengan merujuk Model Pengajaran Unsur Tautan (2009).

Bagi memastikan analisis data daripada sumber temu bual dan pemerhatian dapat dilakukan secara berfokus, pengkaji menggunakan enam langkah analisis tematik Braun (2006) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Enam Langkah Analisis Tematik (Braun & Clarke 2006)

Berdasarkan Rajah 1 proses dimulakan terhadap temu bual pertama. Pengkaji akan membaca berulang kali untuk mendapatkan keseluruhan idea bagi menyesuaikan data dengan persoalan kajian yang dirangka. Melalui langkah ini, pengkaji dapat melihat corak data yang diperoleh dan boleh menjadi panduan untuk sesi temu bual yang seterusnya. Langkah ini diulang untuk peserta kajian yang kedua sehingga peserta yang terakhir. Seterusnya langkah kedua yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan membentuk kod awal iaitu kod bebas (*open coding*) untuk setiap kenyataan peserta kajian. Penambahan kod-kod baru adalah berdasarkan teknik perbandingan berterusan (*constant comparative*) dengan kod yang sedia ada. Selepas tiada lagi kod baru dalam kod bebas bermakna data sudah mencapai tahap tepu (*saturation point*), yang dilanjutkan dengan kod berpaksi (*axial coding*). Langkah ini merupakan langkah untuk menentukan tema dengan cara membuat penelitian terhadap kesemua kod bebas yang ada dan menghubungkannya untuk menjadi kategori baharu. Kod-kod bebas yang berkongsi konsep yang sama diletakkan di bawah satu kumpulan dan dinamakan kategori baharu. Pengkaji perlu membuat pertimbangan untuk menentukan keperluan pembinaan kategori dan subkategori seperti yang dinyatakan oleh Corbin & Strauss (2015) iaitu pembinaan kategori berlaku apabila perbandingan antara kod bagi melihat perhubungan antara kategori adalah jelas dan berkaitan dengan persoalan kajian. Proses ini berlanjutan sehingga tiada lagi kategori baharu timbul.

Seterusnya, melalui langkah keempat, pengkaji melakukan proses pengekodan selektif (*selective coding*) iaitu menilai semula kategori-kategori yang timbul sebelum beralih ke langkah seterusnya iaitu menamakan tema. Tema di sini merujuk kepada sesuatu yang penting daripada data yang mempunyai perkaitan dengan masalah yang dikaji. Boyatzis (1998) menyatakan bahawa tema merupakan gambaran pola dari fenomena yang diteliti. Pada tahap ini, pengkaji membuat penelitian semula semua kod dan kelompok kategori yang sudah dibentuk untuk memastikan kod berada dalam kelompok yang mempunyai makna yang sama. Hal ini sentiasa perlu merujuk kepada petikan verbatim sebagai bukti. Bagi menentukan dan menamakan tema, pengkaji menentukan inti setiap tema dengan memastikan setiap tema mempunyai kriteria tersendiri dan memastikan kriteria tersebut terbatas dan tidak bercampur dengan tema lain. Perkara ini merupakan asas dalam pembentukan tema baharu yang dianggap sebagai eksklusif (*mutully exclusive*) oleh Yin (2015). Namun demikian, dalam langkah ini terdapat beberapa tema dipecah atau digugurkan menjadi subtema dan proses ini semua akan berulang-ulang. Manakala langkah terakhir adalah menghasilkan laporan.

Koefisien Cohen Kappa

Analisis Indeks Cohen Kappa digunakan dalam kajian ini bagi menentukan kebolehpercayaan data temu bual. Proses ini merupakan prosedur yang penting kerana pakar akan menentukan dan mengesahkan persetujuan terhadap tema-tema yang dibina oleh pengkaji. Penggunaan Indeks Cohen Kappa bertujuan untuk menentukan darjah persetujuan unit analisis dengan tema yang dikaji (Cohen 1968). Setelah tema dan subtema dikeluarkan daripada proses triangulasi data, satu borang persetujuan pakar terhadap tema dan subtema dikeluarkan. Empat orang pakar iaitu dua orang dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu, seorang pakar pembangunan kurikulum dan seorang pakar pendekatan kualitatif terlibat membuat penilaian dalam kajian ini.

Bagi menentukan tahap persetujuan Indeks Cohen Kappa, nilai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 telah digunakan. Berdasarkan nilai dalam Jadual 6, Indeks Cohen Kappa bagi kajian ini ialah 0.87. Nilai ini merupakan satu nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Secara tuntasnya, analisis yang dilakukan pengkaji adalah selari dengan tema yang dikemukakan berdasarkan persetujuan pakar.

Jadual 6. Jadual Indeks Cohen Kappa

Interpretasi	Nilai Cohen Kappa
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	<0.30

Sumber: Weirsme (1991) dalam Razali (2019).

HASIL

Berdasarkan analisis sumber data temu bual dan pemerhatian terdapat empat konstruk sarana kohesi dalam pengajaran guru iaitu elemen linguistik, teknik pertautan, strategi pengajaran, dan penilaian karangan.

Elemen linguistik

Analisis menunjukkan peserta kajian mempunyai kompetensi iaitu pengetahuan linguistik yang baik berkaitan analisis wacana. Melalui proses pengekodan, elemen linguistik terhasil daripada sembilan pernyataan, iaitu tautan, jalinan, keserasian dan pertalian (*open coding*), yang membentuk kohesi (*axial coding*), runtutan, kesinambungan idea, kepaduan dan kesatuan, (*open coding*) membentuk koheren (*axial coding*), serta keutuhan perenggan, kualiti penulisan (*open coding*) yang membentuk wacana (*axial coding*). Ketiga-tiga pernyataan pada *axial coding* tersebut, dirangkumkan sebagai elemen linguistik dalam proses *selective coding* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7. Proses analisis tematik bagi elemen lingustik.

<i>Open Coding</i>	<i>Axial Coding</i>	<i>Selective Coding</i>
Tautan		
Jalinan	Kohesi	
Keserasian		
Pertalian		
Kesinambungan Idea	Koheren	Elemen lingustik
Kepaduan		
Kesatuan		
Keutuhan perenggan	Wacana	
Kualiti penulisan		

Ketiga-tiga peserta kajian mempunyai kompetensi iaitu pengetahuan lingustik yang baik berkaitan analisis wacana. Kompetensi ini penting dalam guru membekalkan input lingustik kepada murid agar murid dapat menulis karangan dengan jayanya. Petikan temu bual informan berkaitan elemen lingustik ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8. Petikan temu bual bagi elemen lingustik.

Tema	Responden	Petikan Temu Bual
Elemen lingustik	GC BM1	<i>Kohesi tu tautan. Koheren ialah pertalian antara idea. Benda ni senang je nak faham. Karangan untuk kita anggap sebagai wacana yang lengkap mesti ada dua syarat. Syarat pertama karangan tu mesti mengandungi perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup macam yang saya sebut awal tadi dan syarat kedua mesti ada pertalian idea antara perenggan tersebut. Itulah maksud kohesi dan koheren.</i>
	GC BM2	<i>Kohesi dan koheren merujuk kepada tautan dan runtutan. Kohesi tu kalau nak mudah faham kita anggap hubungan yang serasi antara perkataan dalam perenggan yang ditulis. Koheren tu senang cerita ialah kesinambungan idea yang kita dapat rasakan daripada sesuatu penulisan. Jadi, koherennya sesuatu penulisan itu memerlukan alat kohesi.</i>
	GC BM3	<i>Kohesi tu pertautan. Ada pertalian antara isi yang dikemukakan dengan ayat-ayat yang mewajarkan isi tersebut. Koheren tu apabila idea mengalir dan berkesinambungan dalam karangan. Kita tulis karangan berdasarkan tema tertentu. Dalam karangan tu akan ada beberapa perenggan isi bagi memancarkan tema karangan. Aliran idea dalam perenggan secara berterusan, bertalian dan logik itulah yang dikatakan kesinambungan idea.</i>

Teknik pembinaan kohesi

Teknik pembinaan kohesi terhasil daripada tujuh pernyataan, iaitu perulangan, sinonim, antonim, hiponim (*open coding*) yang membentuk kohesi leksikal (*axial coding*) rujukan, penggantian, ellipsis dan kata hubung (*open coding*), yang membentuk kohesi gramatikal (*axial coding*), dan dirangkumkan sebagai teknik pembinaan kohesi dalam proses *selective coding* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8. Proses analisis tematik bagi elemen teknik pembinaan kohesi

<i>Open Coding</i>	<i>Axial Coding</i>	<i>Selective Coding</i>
Perulangan	Kohesi leksikal	
Sinonim		
Antonim		
Hiponim		Teknik pembinaan kohesi
Rujukan	Kohesi gramatikal	
Penggantian		
Ellipsis		
Kata hubung		

Dapatan menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian mempunyai pengetahuan tentang pelbagai teknik pembinaan kohesi. Petikan temu bual peserta kajian berkaitan elemen teknik pembinaan kohesi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9. Petikan temu bual bagi elemen teknik pembinaan kohesi

<i>Tema</i>	<i>Responden</i>	<i>Petikan Temu Bual</i>
Teknik pembinaan kohesi	GC BM1	<i>Kohesi tu ada dua. Pertama kohesi perkataan atau leksikal. Se (satu) lagi kohesi gramatikal. Kohesi perkataan tu bila perkataan-perkataan yang budak guna dalam perenggan sesuai dengan makna yang hendak disampaikan. Serasi antara satu sama lain. Ada banyak cara. Paling mudah budak boleh guna sinonim. Contoh ayat pertama dia tulis bangunan bersejarah penting untuk menarik pelancong. Dalam ayat kedua dia gantikan perkataan bangunan tu dengan perkataan monument dan dalam ayat ketiga dia guna frasa tinggalan bersejarah. Nampak tak ada chemistry antara perkataan yang ditulis. Lawan sinonim kita ada antonim. Perkataan berlawanan juga boleh menjadikan perenggan tu kohesif. Contoh ayat tambang yang mahal menyebabkan masyarakat tidak menggunakan pengangkutan awam berbanding tambang yang murah. Perkataan mahal murah tu menunjukkan makna berlawanan. Dalam konteks ni perenggan tu jadi kohesif melalui unsur berlawanan. Pah tu (selain itu) kita ada hiponim. Hiponim ni kumpulan perkataan. Misal kata murid tulis perenggan berkaitan peranan kerajaan mengatasi masalah remaja merempit. Perkataan macam kempen, penguatkuasaan, sekatan jalan raya, hukuman dan lain-lain mesti muncullah dalam perenggan tu. Kalau tak ada kumpulan perkataan tu, tak akan kohesif perenggan yang dibina. Kalau murid tak tau sinonim, tak leh fikir antonim, tak tau hiponim, kita suruh murid ulang je perkataan yang sama. Misal kata Aminah mengulang kaji pelajaran. Hari ini dia mengulang kaji lagi. Tampaknya dia memang seorang yang rajin mengulang kaji. Tu pun kohesif juga.</i>
	GC BM2	<i>Guna teknik sinonim. Atau boleh guna kata ganti nama rujukan juga. Contohnya, perkara ini, hal ini digunakan bagi merujuk isu dalam ayat yang sebelumnya.</i>
	GC BM 3	<i>Sebenarnya ada banyak cara untuk kita membina perenggan yang kohesif. Kita boleh guna kata hubung, rujukan, penggantian. Kalau yang biasa dengan linguistik dia akan kata elemen ellipsis juga boleh digunakan untuk mengukuhkan pertautan. Paling simple unsur perulangan. Sinonim, hiponim, penanda wacana tu semua unsur kohesi yang boleh menguatkan karangan kita. Benda yang saya sebut tadi tu kalau dalam buku dia tulis kohesi nahuan dan dan kohesi leksikal.</i>

Strategi pengajaran

Strategi pengajaran terhasil daripada enam pernyataan iaitu pendedahan, beransur-ansur, bertahap-tahap (*open coding*) yang membentuk penerangan guru (*axial coding*), kerja kumpulan, pembentangan, latih tubi bina perenggan (*open coding*), yang membentuk aktiviti murid (*axial coding*), dan dirangkumkan sebagai strategi pengajaran dalam proses *selective coding* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10. Proses analisis tematik bagi elemen strategi pengajaran

<u><i>Open Coding</i></u>	<u><i>Axial Coding</i></u>	<u><i>Selective Coding</i></u>
Pendedahan	Penerangan guru	
Beransur-ansur		
Bertahap-tahap		Strategi pengajaran
Kerja berkumpulan	Aktiviti murid	
Pembentangan		
Latih tubi bina perenggan		

Berdasarkan dapatan didapati ketiga-tiga orang guru mempunyai strategi pengajaran berkesan untuk mengajarkan sarana kohesi dalam penulisan. Petikan temu bual responden berkaitan elemen strategi pengajaran ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11. Petikan temu bual bagi elemen strategi pengajaran.

<i>Tema</i>	<i>Responden</i>	<i>Petikan Temu Bual</i>
Strategi pengajaran	GC BM1	<i>Teknik pertautan macam yang saya highlightkan tadi kena tunjuk se se lah ke (satu persatu kepada) budak. Ajar beransur-ansur bagi budak faham. Sikit-sikit tak apa. Mungkin dalam kelas karangan hari ni, kita tunjuk lagu mano nok (bagaimana) bina tautan dengan unsur sinonim. Bagi contoh perenggan hok ada (yang mengandungi) unsur sinonim. Pah (selepas) tu tunjuk pulok perenggan hok tak ada unsur sinonim. Macam-macam boleh buat. Terpulang pada cikgu rajin ke malas. Bila budak dah faham buat latihan mencabar sikit. Suruh budak bina perenggan dengan unsur tautan sinonim tu pulok. Baru nampok ngajar karangan secara bertahap-tahap. Jangan duk fokus nak tulis karangan lengkap jah. Tapi skil murid tak dapat.</i>
	GC BM2	<i>Teknik menjalin ayat ni saya dedahkan kepada pada awal tahun mengajar karangan. Tapi bagi memastikan murid sentiasa ambil berat pasal kohesi dan koheren ni saya akan ingatkan setiap kali kelas. Saya biasa suruh budak buat perenggan menggunakan sarana kohesi dan kemudian buat pembentangan. Komen saya terhadap aktiviti pembentangan tu adalah aspek kekohesifan perenggan. Saya tengok ragam penggunaan sarana kohesi sama ada kurang, cukup atau over sangat. kadang kala saya paparkan perenggan yang tak guna tautan dan saya minta murid komen. Bila mereka dah komen saya suruh murid murnikan perenggan tu.</i>
	GC BM3	<i>Kita kena terangkan teknik tu dulu. kalau kita tak terangkan murid tak tahu. Tu yang dia stuck masa menulis. Dia dah rangka karangan. Dah ada isi, dah ada cadangan apa yang dia nak hurai dan mungkin dah ada contoh yang sesuai. Tapi bila sampai tahap untuk mencantumkan ayat-ayat yang bermain dalam minda tu, murid buntu sebab dia tidak pernah didedahkan dengan teknik menjalinkan ayat dalam penulisan. Sebab tu kita kena ajar</i>

kepada murid secara sedar bagaimana untuk membina pertautan ayat. Bila murid dah dapat semua teknik tu, nak mahirkan dia, kita buat latihan membina perenggan menggunakan unsur-unsur tadi tu. boleh buat aktiviti kumpulan atau latihan sendiri secara individu.

Penilaian karangan

Penilaian karangan terhasil daripada empat pernyataan iaitu kekuatan, kelemahan (*open coding*), yang membentuk bimbingan (*axial coding*), kohesi, koheren (*open coding*), yang membentuk maklum balas (*axial coding*) dan dirangkumkan sebagai penilaian karangan dalam proses *selective coding* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12.

Jadual 12. Proses analisis tematik bagi elemen penilaian karangan.

<i>Open Coding</i>	<i>Axial Coding</i>	<i>Selective Coding</i>
Kekuatan	Bimbingan	Penilaian Karangan
Kelemahan		
Kohesi	Maklum balas	
Koheren		

Dapatan menjelaskan ketiga-tiga guru memberi maklum balas penulisan murid daripada aspek kekohesifan dan kekehorenan. Petikan temu bual responden berkaitan elemen penilaian karangan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13.

Jadual 13. Petikan temu bual bagi elemen penilaian karangan.

<i>Tema</i>	<i>Responden</i>	<i>Petikan Temu Bual</i>
Penilaian karangan	GC BM1	<i>Matlamat saya nilai kerja murid untuk bagi maklum balas kelemahan dia. Aspek ejaan semua tu saya tak kisah sangat. Yang saya kisah ialah perkataan yang digunakan mesti dapat menyampaikan apa yang ingin disampaikan dengan jelas. Kalau saya nampak ayat huraian tidak mampu mewajarkan idea dalam ayat topik saya sedar murid ni perlu lebih bimbingan dalam aspek menjalin ayat. Antaranya mungkin dia masih belum kuasai aspek sarana kohesi tadi tu lah.</i>
	GC BM2	<i>Saya kalau menanda karangan berfokus. Aspek kekohesifan perenggan yang menjadi tumpuan saya. Maksudnya idea mesti jelas. Kalau saya nampak isi lain, huraian lain saya biasa akan minta murid jumpa saya. Saya tak bagi markah ikut pemeringkatan pun. Saya tumpukan kepada aspek tertentu. Dari situ murid nampak kelemahan dan kekuatan dia. Tujuan saya bagi maklum balas.</i>
	GC BM3	<i>Saya tanda latihan karangan macam biasalah. Saya bagi markah dan pemeringkatan macam dalam SPM. Budak-budak ni suka sangat markah. Pada masa yang sama, saya akan tulis maklum balas hasil kerja murid. sama ada idea yang hendak disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh pembaca. Fokus saya aspek kekohesifan dan kekoherenan.</i>

PERBINCANGAN

Meneliti tema yang terhasil daripada amalan pedagogi guru melaksanakan pengajaran sarana kohesi dalam proses penulisan karangan, tema-tema ini dilihat berpadanan dengan saranan Radzita Radziah & Abd Rasid (2012). Ketiga-tiga peserta kajian berjaya mengemukakan dapatan kajian yang memperihalkan konteks sebenar yang berlaku di dalam bilik darjah terhadap pengajaran sarana kohesi dalam proses penulisan karangan di sekolah menengah. Ketiga-tiga peserta kajian mempunyai kompetensi iaitu pengetahuan linguistik yang baik berkaitan analisis wacana. Kompetensi ini penting dalam guru membekalkan input linguistik kepada murid agar murid dapat menulis karangan dengan jayanya. Norimasyati, Anida dan Mohd Rashid (2013) mengaitkan hasil penguasaan linguistik guru terhadap prestasi murid sama ada daripada sudut pencapaian dalam peperiksaan dan penggunaan ilmu linguistik dalam kehidupan murid. Sekiranya penguasaan terhadap asas linguistik lemah kemungkinan terdapat kelonggaran dalam amalan pengajaran guru.

Selain itu, dapatan menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian mempunyai pengetahuan tentang pelbagai teknik pembinaan pertautan. Keupayaan ini penting dalam proses guru membimbing murid mengarang dan menyelesaikan masalah murid dalam mengarang (Zamri & Abdul Sukor (2009). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seharusnya tidak membataskan murid kepada kemahiran, ilmu dan aspek yang terkandung dalam sukatan pelajaran semata-mata. Sekiranya ditinjau daripada perspektif yang lebih meluas, iaitu ke arah meningkatkan kualiti guru dan murid, sewajarnya ilmu linguistik khususnya berkaitan teknik-teknik pembinaan pertautan seumpama ini dikuasai memandangkan ilmu ini membantu pelajar-pelajar memahami Bahasa Melayu dengan lebih baik.

Berdasarkan dapatan didapati ketiga-tiga orang guru mempunyai strategi pedagogi berkesan untuk mengajarkan sarana kohesi dalam penulisan. Strategi pedagogi berkesan ini memungkinkan guru menjalankan pengajaran sarana kohesi yang berfokuskan keseluruhan teks dengan aktiviti menarik. Selain menggunakan teknik penerangan, guru-guru turut menerapkan elemen pembelajaran kolaboratif yang berpusatkan murid melalui kerja berkumpulan. Situasi ini akan mendorong minat murid dalam penulisan kerana konsep pembelajaran ini yang bersifat terbuka dan interaktif. Ria, Anwar & Siti (2020) bersetuju bahawa untuk meminimalkan kesalahan kohesi dalam karangan, guru harus menciptakan aktiviti yang bervariasi ketika proses pembelajaran berlangsung. Hanif (2015) menjelaskan kelemahan murid dalam menggunakan peranti kohesi yang sesuai disebabkan oleh gaya pengajaran guru di dalam kelas yang kurang membimbing murid. Ningrum & Simpen (2019) pula menyifatkan proses pembelajaran yang bersifat konservatif tanpa adanya metode atau teknik pendukung menjadi salah satu faktor penghambat penulisan yang berkesan.

Dapatan menjelaskan ketiga-tiga guru memberi maklum balas penulisan murid dalam aspek urutan perkataan yang telah ditulis agar menyatakan apa-apa yang ingin dikatakan semudah yang boleh, mengambil berat tentang kejelasan idea serta kandungannya dan menjangkakan kefahaman pembaca daripada idea yang dialirkan. Penilaian karangan yang tidak berfokuskan aspek permukaan seperti format karangan, jumlah perkataan dan kesalahan ejaan semata-mata akan meningkatkan kesedaran murid tentang aspek karangan yang berkualiti (Marohaini & Zulkifli 1997). Dalam konteks pendekatan proses penulisan maklum balas seumpama ini memberi ruang kepada murid menyemak penyusunan idea yang tidak logik, mengelirukan atau pemilihan kata yang tidak tepat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, artikel ini telah mempertimbang amalan pengajaran sarana kohesi dalam proses mengarang. Justifikasinya adalah kerana masalah murid dalam mengarang masih lagi menjadi persoalan walaupun banyak pendekatan, kaedah, teknik dan strategi lain yang mencorak dan mendominasi pengajaran karangan. Bagi menjayakan pengajaran karangan berasaskan sarana kohesi, guru perlu mempunyai pengetahuan lingustik yang kompeten. Pengetahuan lingustik yang dihubungkan dengan kemahiran mengajar yang berkesan akan menjadi penyuluh amalan pengajaran karangan bersandarkan sifat proses mengarang itu sendiri. Impaknya, pengajaran karangan bukan sahaja akan dapat menyelesaikan masalah murid dalam mengarang malah akan dapat meningkatkan kesedaran murid tentang norma amalan tekstual penggunaan sarana kohesi yang berkualiti.

Oleh itu, penulis menyarankan sarana kohesi dipertimbangkan dalam pengajaran karangan sebagai mekanisme meningkatkan keupayaan menulis dengan cara yang lebih inovatif menggunakan bahan bantu yang menarik dan hidup sesuai dengan tahap kecerdasan, kematangan dan latar belakang murid. Penulis turut mencadangkan guru-guru meninggalkan amalan memberi penerangan yang berbentuk umum dan abstrak dalam pengajaran karangan sebaliknya prosedur pengajaran karangan dapat diubah dengan memahami formula yang terkandung dalam teknik pembinaan pertautan. Penulis turut mengusulkan guru-guru melaksanakan pengajaran sarana kohesi secara sedar dan ansur maju berlandaskan prinsip penulisan bukan kepada hasil karangan semata-mata. Sebagai penutup, penulis turut menganjurkan lebih banyak kajian berkaitan amalan pengajaran sarana kohesi dalam penulisan dengan sampel kajian yang lebih meluas ke arah pelaksanaan pengajaran mampan kemahiran menulis. Dengan demikian aspirasi ke arah melahirkan murid yang mempunyai kecekapan berbahasa akan dapat direalisasikan melalui pendidikan Bahasa Melayu.

PENGHARGAAN

Terima kasih sebesarnya kepada pihak KPM yang memberi ruang kepada pelaksanaan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada ketiga-tiga informan yang sudi terlibat secara langsung dalam kajian ini. Penghargaan juga khusus untuk penyelia yang sentiasa positif dan memberi ruang.

RUJUKAN

- Andi Tenri Ampa, and Muhammad Basri. 2019. "Lexical and Grammatical Cohesions in the Students' Essay Writing as the English Productive Skills." *Journal of Physics: Conference Series* 1339 (1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1339/1/012072>.
- Boyatzis, R.E. 1. 1998. *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Edited by Sage Publications. Thousand Oaks, CA:
- Braun, V. & Clarke. 2006. "Using Thematic Analysis in Psychology." *Qualitative Research in Psychology* 3 3(2): 77-1.
- Che Zanariah Che Hasan, and Fadzilah Abd Rahman. 2011. "Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah." *Malay Language Education Journal (MyLEJ)* 1 (1): 67-87.
- Cohen. 1968. "Weighted Kappa: A Nominal Scale Agreement with Provision for Scaled

- Disagreement or Partial Credit.” *Psychological Bulletin* 70: 213–20.
- Corbin, J., & Strauss, A. 2015. 2015. *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Edisi Ke-4. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Inc. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Inc. Vol. 4.
- Creswell, John W., and Cheryl N. Poth. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Approaches*. Fourt Edit. Los Angeles: SAGE Publications, Inc.
- Cucu Ardia Nigrum. 2019. “Peningkatan Kemampuan Penggunaan Kohesi Gramatikal Dan Leksikal Melalui Teknik Graphic Organizer Dalam Karangan Mahasiswa Pendidikan Bahasa Inggris Ikip Saraswati Tabanan.” *Linguistika: Buletin Ilmiah Program Magister Linguistik Universitas Udayana* 26 (2): 184. <https://doi.org/10.24843/ling.2019.v26.i02.p09>.
- Goodson & Sikes. 2001. *Life History Research in Educational Settings*. Buckingham: Open University Press.
- Hammerley. 1999. *Researching School Experience: Ethnographic Studies of Teaching and Learning*. Edited by Falmer. Lomdom.
- Hanif Nurcholish Adiantika. 2015. “Cohesive Devices in EFL Students’ Expository Writing.” *English Review: Journal of English Education* 4 (1): 94. <https://doi.org/10.25134/erjee.v4i1.316>.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2017. “Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1.” Kuala Lumpur. [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/BAHASA MELAYU 1 \(1103_1\).pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/BAHASA MELAYU 1 (1103_1).pdf).
- . 2019. “Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1.” Kuala Lumpur. [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/BAHASA MELAYU 1 \(1103_1\).pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2017/BAHASA MELAYU 1 (1103_1).pdf).
- Magdalena Anak Nor, and Zamri Mahamod. 2014. “Pedagogical Content Knowledge of Novice and Experienced Iban Language Teachers in Sarawak Secondary Schools.” *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 11 (1): 207–36.
- Marohaini Yusuf, and Zulkifli A. Manaf. 1997. “Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah : Satu Penilaian Kualitatif.” *Pertanika J.Soc.Sci.&Hum* 5 (2): 65–71.
- Merriam, and Tisdell. 2015. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. 4th Editio. San Francisco.
- Noradinah Jaidi, Yusri Abdullah, Suraya Tarasat, and Sri Kartika Rahman. 2014. “Kesan Penggunaan Perisian IMindMap Dalam Penulisan Karangan Jenis Rencana.” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134: 389–98. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.261>.
- Norimasyati Aida Aris, Anida Sarudin, and Mohd Rashid Md Idris. 2013. “Amalan Guru Dan Penguasaan Aspek Ilmu Lingustik Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Di Perak.” *PENDETA- Jurnal Bahasa Dan Sastera Melayu*.
- Pakirathan, Paul Gnanaselvam, and Napisah Kepol. 2018. “Perceived Teachers’ Self-Disclosure, Writing Performance and Gender of Malaysian ESL Undergraduates.” *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 26 (4): 2195–2210.
- Radzita Radziah Said, and Abdul Rasid Jamian. 2012. “Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Di Dalam Bilik Darjah:Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi.” *The Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27 (1): 1–18.
- Ria Anggari Putri, Anwar Miftahullah, and Siti Ansoriyah. 2020. “Penyebab Kesalahan Kohesi Leksikal Dan Gramatikal Dalam Karangan Eksposisi Siswa.” *Deiksis* 12 (02): 206. <https://doi.org/10.30998/deiksis.v12i02.4204>.

- Riska Fita Lestari. 2019. “Koherensi Dan Kohesi Paragraf Dalam Karangan Narasi Mahasiswa Teknik Angkatan 2017 Universitas PGRI Banyuwangi.” *KREDO : Jurnal Ilmiah Bahasa Dan Sastra* 3 (1): 73–82. <https://doi.org/10.24176/kredo.v3i1.3924>.
- Rohaida Yusop, and Zamri Mahamod. 2015. “Keberkesanan Peta Pemikiran (i-Think) Dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6.” *Malay Language Education Journal – MyLEJ* 5 (2): 2180–4842.
- Sukmawan, Sony, Lestari Setyowati, and Ana Ahsana El-Sulukiyyah. 2021. “The Effect of Authentic Materials on Writing Performance across Different Levels of Proficiency.” *International Journal of Language Education* 5 (1): 515–27. <https://doi.org/10.26858/IJOLE.V5I1.15286>.
- Yin, RK. 2009. *Case Study Research Design and Methods*. Thousand Oaks: SAGE Publications, Inc.
- Zamri Salleh, and Abdul Shukor Shaari. 2009. “Kesan Model Unsur Tautan Terhadap Pengajaran Karangan Bahasa Melayu.” *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 6: 55–78. <https://doi.org/10.32890/mjli.6.2009.7613>.
- Zuraini Jusoh., Fadzilah Abd Rahman, Samsilah Roslan, and Norazlina Mohd Kiram. 2013. “Pencapaian Bahasa Melayu Yang Rendah Dalam Kalangan Calon Penilaian Menengah Rendah.” *Malay Language Education Journal-MyLEJ* 3 (1): 1–11.

ROZITA MOHAMAD YUNEH*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

RAHIM AMAN

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

SHAHIDI A. HAMID

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Pengarang untuk surat menyurat: myrozita93@gmail.com

Received: 9 March 2022 / Accepted: 1 September 2022 / Published: 9 December 2022